

05 NOV 1997

G15-tuan rumah

MESIR YAKIN JAYAKAN SIDANG KEMUNCAK KELAPAN

Oleh: Abdul Rahman Ahmad dan Noryani Ismail

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Mesir yakin ia dapat menjayakan sidang kemuncak kelapan Kumpulan 15 negara membangun (G15) di Kaherah pada Mei tahun depan.

Timbalan Penolong Menteri Luar bagi Perhubungan Ekonomi Antarabangsa Mesir Dawlat Hassan berkata mereka mampu membuat persiapan dalam masa enam bulan.

"Kami belum menetapkan tarikhnya tetapi sepanjang tempoh membuat persiapan ini, kami akan sentiasa berhubung dengan negara anggota lain," kata Dawlat, yang akan mengetuai unit membuat persiapan bagi sidang kemuncak itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan dalam persidangan berita di akhir sidang kemuncak ketujuh di sini hari ini bahawa Mesir akan menganjur sidang kemuncak kelapan itu.

Jamaica, yang sepatutnya menjadi tuan rumah sidang kemuncak kelapan itu, kini akan menganjurkan sidang kemuncak kesembilan pada Februari 1999. Sidang kemuncak kesepuluh pada 2000 akan juga diadakan di Kaherah.

Dr Mahathir berkata sidang kemuncak kali ini memutuskan agar G15 bermesyuarat lagi dalam masa enam bulan di Kaherah ekoran daripada isu urusan niaga mata wang dan desakan perkara-perkara tertentu dan kecepatan perubahan dalam perdagangan dan hal-hal lain di dunia.

Untuk itu, kata Dawlat, menjelang mesyuarat di Kaherah itu, pemimpin-pemimpin G15 dijangka menerima laporan mengenai syarat dan peraturan mengawal selia urusan niaga daripada menteri kewangan dan gabenor bank pusat negara anggota yang telah ditugaskan membuat cadangan itu.

"Mesir bangga diberi peluang menganjur sidang kemuncak ini buat pertama kalinya kerana kami sentiasa menggalakkan kerjasama Selatan-Selatan," katanya.

Seorang pegawai Jamaica pula berkata negaranya sepatutnya menganjurkan sidang kemuncak itu pada November tahun depan.

Vilma McNish, Pengarah Jabatan Pertubuhan Pelbagai Hala di Kementerian Luar dan Perdagangan Jamaica, berkata dengan menganjur sidang kemuncak itu pada November, tidak ramai ketua kerajaan dapat hadir kerana waktu itu terdapat banyak persidangan antarabangsa. -- BERNAMA

ARA NI MAI